

356 PATI ditahan di kilang komputer

Johor Bahru: Jabatan Imigresen (JIM) Johor menahan 356 pendatang tanpa izin (PATI) dalam serbuan di sebuah kilang komponen komputer di kawasan Perindustrian Tebrau di sini, Selasa lalu.

Pengarahnya, Datuk Mohd Rusdi Mohd Darus berkata serbuan jam 7 malam itu turut disertai pegawai Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) dan dibuat selepas ri-

sikan mengesahkan kilang itu menggaji PATI.

“Ada yang cuba meloloskan diri namun anggota penguat kuasa berjaya menutup laluan keluar. Selain itu, dua warga tempatan yang merupakan pegawai sumber manusia juga ditahan,” katanya, semalam.

Mohd Rusdi berkata, PATI ditahan terdiri daripada 246 lelaki dari Myanmar, Bangladesh (26), India (22), Pakistan (tiga) serta ma-

sing-masing seorang Nepal dan Filipina manakala wanita terdiri daripada 53 Myanmar, Indonesia (tiga) serta seorang Nepal.

Semua mereka berusia antara 18 hingga 46 tahun.

Mereka yang ditahan ditempatkan di Depot Imigresen Setia Tropika untuk siasatan mengikut Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.